



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
(OFFICE OF THE DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Telefon: 26925196
Fax: 26911436

Ruj. Kami:

(79) dlm. KKM 87 (125/43)

Tarikh:

30 November 2002

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri,

Pengarah Jabatan Kesihatan,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pengarah,
Hospital Kuala Lumpur.

Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL 16 / 2002
GARISPANDUAN LATIHAN PENINGKATAN ATENDEN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1. TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa semua atenden kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang pengambilannya pada atau selepas 1 Januari 2002 adalah dikehendaki mengikuti latihan peningkatan atenden kesihatan seperti yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

2. LATARBELAKANG

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 2/98 bertarikh 27 Januari 1998 telah menggariskan tugas dan tanggungjawab baru bagi atenden kesihatan berikutan dengan penswastaaan perkhidmatan sokongan (kebersihan, pembuangan sisa klinikal, bio-medikal, penyenggaraan peralatan kejuruteraan dan dobi) mulai 1 Januari 1997. Pengetahuan dan kemahiran tertentu adalah diperlukan dalam melaksanakan tugas atenden kesihatan seperti yang disenaraikan dalam surat pekeliling berkenaan.

3. LATIHAN ATENDEN KESIHATAN

Untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran atenden kesihatan ini, latihan secara berstruktur di adakan dalam 3 tahap seperti berikut:

- tahap 1 – pengenalan kepada program penjagaan pesakit
- tahap 2 – latihan asas mengenai penjagaan pesakit
- tahap 3 – latihan kemahiran asas yang lebih bersifat pengkhususan

Dengan itu atenden kesihatan adalah dikehendaki menjalani latihan atenden kesihatan tahap 1, 2, 3 mengikut kesesuaian seperti yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

4. TARIKH PELAKSANAAN

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2002. Sesalinan garis panduan pelaksanaan latihan peningkatan atenden kesihatan seperti di lampiran.

5. TANGGUNGJAWAB PENGAWASAN

Pengarah Kesihatan Negeri adalah bertanggungjawab mengawasi pelaksanaan latihan peningkatan atenden kesihatan.

6. PERTANYAAN

Sekiranya terdapat pertanyaan, sila berhubung dengan Bahagian yang berkenaan di alamat berikut:

Pengarah Perkembangan Perubatan,
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


(TAN SRI DATU DR. H. MOHAMAD TAHA BIN ARIF)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k

- Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (P&ST)
- Pengarah Perkembangan Perubatan
- Pengarah Amalan Perubatan

GARISPANDUAN LATIHAN PENINGKATAN ATENDEN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa semua atenden kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang pengambilannya pada atau selepas 1 Januari 2002 adalah dikehendaki mengikuti latihan peningkatan atenden kesihatan seperti yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

2. LATARBELAKANG

2.1 Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 2/98 bertarikh 27 Januari 1998 telah menggariskan tugas dan tanggungjawab baru bagi atenden kesihatan berikutan dengan penswastan perkhidmatan sokongan (kebersihan, pembuangan sisa klinikal, bio-medikal, penyenggaraan peralatan kejuruteraan dan dobi) mulai 1 Januari 1997.

2.2 Pengetahuan dan kemahiran tertentu adalah diperlukan dalam melaksanakan tugas atenden kesihatan seperti yang disenaraikan dalam surat pekeliling berkenaan.

3. LATIHAN ATENDEN KESIHATAN

3.1 Untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran atenden kesihatan ini, latihan secara berstruktur di adakan dalam 3 tahap seperti berikut:

- tahap 1 – pengenalan kepada program penjagaan pesakit
- tahap 2 – latihan asas mengenai penjagaan pesakit
- tahap 3 – latihan kemahiran asas yang lebih bersifat pengkhususan

3.2 Dengan itu atenden kesihatan adalah dikehendaki menjalani latihan peningkatan atenden kesihatan tahap 1, 2, 3 mengikut kesesuaian seperti yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

3.3 Setiap tahap menunjukkan peningkatan latihan tugas, di mana setiap tahap mempunyai komponen teori dan latihan amali. Bagi latihan amali, setiap peserta latihan akan dikehendaki melengkapkan buku senarai semak dan buku log yang akan mengukur tahap pencapaian dalam pendedahan klinikal program peningkatan atenden kesihatan.

3.4 Setiap peserta dikehendaki melengkapkan segala prosedur dalam jangkamasa yang ditetapkan dengan bantuan/ penyeliaan dari pegawai unit berkenaan dari masa kesemasa. Pegawai penilai adalah terdiri dari anggota KKM di gred U8 ke atas yang bertugas di unit berkenaan atau yang dilantik oleh ketua jabatan (preceptor tempatan). Buku log yang telah dilengkapkan disimpan oleh pihak hospital berkenaan. Sesalinan buku log dan laporan pencapaian setiap peserta perlu dikemukakan kepada pihak 'Urusetia Jawatankuasa Induk' latihan peningkatan atenden kesihatan untuk tujuan pensijilan/ pengiktirafan.

Carta aliran proses pelaksanaan latihan peningkatan atenden kesihatan tahap 1, 2, 3 adalah seperti di lampiran 1.

4. TANGGUNGJAWAB

- 4.1 Pengarah Kesihatan Negeri adalah bertanggungjawab mengawasi pelaksanaan latihan peningkatan atenden kesihatan. Adalah dicadangkan pihak Pengarah Kesihatan Negeri mengenalpasti pegawai yang terlibat dalam menyelaraskan pelaksanaan latihan di peringkat negeri dan di peringkat hospital/ kesihatan/ pergigian serta mengenalpasti preseptor tempatan/ pegawai penilai.
- 4.2 Tanggungjawab di peringkat negeri dalam pelaksanaan latihan peningkatan atenden kesihatan adalah seperti berikut:
- Merancang dan mengkoordinasi pelaksanaan latihan
 - Menenalpasti pegawai-pegawai yang terlibat dalam pelaksanaan latihan
 - Menenalpasti calon-calon peserta latihan.
 - Mengeluarkan surat arahan menghadiri latihan
 - Mengesahkan keputusan pencapaian buku log serta laporan pencapaian latihan
 - Mengemukakan keputusan pencapaian latihan kepada Urusetia Jawatankuasa Induk latihan peningkatan atenden kesihatan.
- 4.3 Tanggungjawab di peringkat hospital/ kesihatan/ pergigian dalam pelaksanaan latihan peningkatan atenden kesihatan adalah seperti berikut:
- Menyelaraskan dan menyediakan kemudahan latihan di pusat atau hospital terpilih.
 - Surat menyurat dan kelulusan menghadiri latihan kepada calon peserta
 - Memantau pengendalian latihan peningkatan atenden kesihatan
 - Memantau penyeliaan latihan amali termasuk senarai semak dan buku log
 - Menenalpasti dan mencadangkan preseptor tempatan di unit tertentu
 - Menyelaraskan penyediaan laporan pencapaian buku log untuk dikemukakan ke peringkat negeri
- 4.4 Tanggungjawab preseptor tempatan dalam pelaksanaan latihan peningkatan atenden kesihatan adalah seperti berikut:
- Menyelia, menilai dan memastikan pelaksanaan latihan amali seperti yang ditetapkan dalam senarai semak dan buku log
 - Menyediakan keperluan serta jadual penempatan bagi tujuan latihan
 - Mengesahkan kehadiran peserta bagi latihan amali di unit yang berkaitan

- Mengesahkan pencapaian prosedur-prosedur kemahiran seperti yang dinyatakan dalam senarai semak/ buku log
- Memberi maklumbalas pencapaian peratusan buku log kepada penyelia hospital/ penyelia jururawat
- Mengemukakan buku senarai semak dan buku log kepada penyelia hospital/ penyelia jururawat untuk simpanan dan rujukan.

5. TARIKH PELAKSANAAN

Garis panduan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2002. Dengan itu semua atenden kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang pengambilannya pada atau selepas 1 Januari 2002 adalah dikehendaki mengikuti latihan peningkatan atenden kesihatan tahap 1, 2, 3 mengikut kesesuaian seperti yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

6. PERTANYAAN


Sekiranya terdapat pertanyaan, sila rujuk dengan Bahagian yang berkenaan di alamat berikut:

Pengarah Perkembangan Perubatan,
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur

Lampiran 1

Carta Aliran Proses Latihan Peningkatan Atenden Kesihatan Tahap 1, 2,3

tahap 1& 2 – am
tahap 3 – bilek bedah, CSSD, fisioterapi, bilek mayat



- Mengesahkan pencapaian prosedur-prosedur kemahiran seperti yang dinyatakan dalam senarai semak/ buku log
- Memberi maklumbalas pencapaian peratusan buku log kepada penyelia hospital/ penyelia jururawat
- Mengemukakan buku senarai semak dan buku log kepada penyelia hospital/ penyelia jururawat untuk simpanan dan rujukan.

5. **TARIKH PELAKSANAAN**

Garis panduan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2002. Dengan itu semua atenden kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang pengambilannya pada atau selepas 1 Januari 2002 adalah dikehendaki mengikuti latihan peningkatan atenden kesihatan tahap 1, 2, 3 mengikut kesesuaian seperti yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

6. **PERTANYAAN**

Sekiranya terdapat pertanyaan, sila rujuk dengan Bahagian yang berkenaan di alamat berikut:

Pengarah Perkembangan Perubatan,
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur

Lampiran 1

Carta Aliran Proses Latihan Peningkatan Atenden Kesihatan Tahap 1, 2,3

tahap 1& 2 – am
tahap 3 – bilek bedah, CSSD, fisioterapi, bilek mayat

